

## BAB KELIMA

### PENUTUP

#### 5.1 Kesimpulan

Pengkanungan dan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia dan hubungannya dengan kedudukan hak-hak wanita Islam telah pun dibincangkan. Walaupun penulis hanya membincangkan kedudukan undang-undang Keluarga Islam di Kelantan sahaja, namun pada hakikatnya kedudukan pentadbiran dan perlaksanaan undang-undang Keluarga Islam di tiap-tiap negeri di Malaysia adalah hampir sama. Pentadbiran undang-undang Islam adalah perkara negeri di mana tiap-tiap negeri telah pun menubuhkan majlis-majlis tertentu yang mempunyai tanggungjawab di atas. Bagi menguatkuasakan undang-undang Islam pula mahkamah syari'ah telah ditubuhkan di tiap-tiap negeri di Malaysia.

Undang-Undang Islam di Malaysia seperti yang dikanunkan di Malaysia adalah lebih terhad kepada perkara-perkara kekeluargaan sahaja. Bagaimanapun ditinjau dari segi kekeluargaan, peruntukan yang ada pada masa ini boleh dikatakan memuaskan. Hak yang boleh dituntut sebelum perkahwinan, ketika dalam perkahwinan dan selepas terbubarnya perkahwinan adalah jelas diperuntukkan. Ini menjelaskan bahawa undang-undang dalam Enakmen Keluarga Kelantan 1983 telah merangkumi dan menepati dengan Undang-Undang Keluarga Islam, bagaimanapun di setengah-setengah negeri peruntukan mengenai beberapa perkara adalah ringkas, kurang jelas dan meletakkan budi bicara yang luas kepada hakim Mahkamah Syari'ah.

Selain daripada itu terdapat kelemahan yang ketara dalam pengkanunan dan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Pada asasnya terdapat dua kelemahan yang terbesar:

- (1) Dari segi bidang pengkanunan undang-undang Islam di Malaysia sebagai undang-undang bertulis adalah terhad kepada perkara-perkara mengenai kekeluargaan semata-mata.
- (2) Bidang kuasa yang terhad diberikan kepada hakim-hakim Mahkamah Syari'ah

Peruntukan undang-undang Islam mengenai kekeluargaan adalah mencukupi, tetapi dalam bidang-bidang lain tidak terdapat peruntukan yang mencukupi dibuat. Pembahagian pusaka adalah satu perkara penting dalam Islam. Pada umumnya masyarakat Islam di Malaysia masih mengakui bahawa mereka terikat dengan cara pembahagian pusaka yang ditentukan oleh Islam, tetapi untuk peringkat nasional, secara rasminya dilihat Hukum Pusaka Islam belum lagi digubal.

Bidang kuasa Mahkamah Syari'ah sememangnya terhad. Ini telah dihadkan lagi dengan kuasa Mahkamah Sivil untuk membatalkan keputusan mahkamah syari'ah sekiranya tidak dipersetujui, sebagai contohnya dalam perkara penjagaan anak, mahkamah syari'ah juga mempunyai bidang kuasa, tetapi sekiranya kes itu kemudiannya sampai ke mahkamah sivil, mahkamah tersebut mempunyai bidangkuasa membuat keputusan yang berbeza dari keputusan mahkamah syari'ah seperti kes Mariam lawan Mohammad Ariff [(1971) 1 M.L.J. 265].

Mahkamah Syari'ah juga tidak mempunyai bidang kuasa mengenakan hukuman terhadap orang yang melanggar perintahnya. Begitu juga saman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syari'ah boleh tidak dipedulikan oleh orang yang di saman. Demikian juga halnya perintah nafkah yang telah dikeluarkan, dalam setengah-setengah kes, orang yang telah diperintahkan membayar nafkah dengan sengaja engkar menurut perintah tersebut. Dalam hal ini Mahkamah Syari'ah tidak lagi mempunyai kuasa menghukum orang yang diperintahkan itu. Bagi menguatkuasakan perintah tersebut, isteri yang mendapat perintah itu terpaksa membuat permohonan di Mahkamah Sivil pula meminta melaksanakan perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkmaah Syari'ah.

Begitulah senario perlaksanaan undang-undang Keluarga Islam di Malaysia kini secara 'amnya.

Berhubung dengan hak wanita dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, adalah jelas bahawa perlaksanaan Enakmen Keluarga Islam 1983 ini adalah lebih sempurna dan lebih kemas dibandingkan dengan undang-undang lama. Peruntukan substantif telah diperuntukkan dengan lebih terperinci. Ia mempunyai tujuan yang mantap bagi kesejahteraan umat Islam.

Walaupun sebahagian besar dari peruntukan itu dapat diseragamkan dengan enakmen-enakmen negeri lain seperti Terengganu, Johor, Perak dan Melaka tetapi masih banyak lagi berlaku perbezaan dengan enakmen negeri

yang digubal di Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Pahang.

Dengan ini, matlamat penyatuan di antara negeri-negeri tidak dapat dicapai sepenuhnya. Namun begitu, perkembangan akhir-akhir ini dengan terpakainya Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 2002, maka jalan ke arah penseragaman dengan negeri-negeri lain akan terlaksana, Insya Allah.

Undang-undang bagi mengatur perkahwinan dan perceraian yang mula-mula diperkenalkan selepas kedatangan British telah mengalami perubahan dari semasa ke semasa sesuai dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Dalam peringkat awal peruntukan-peruntukan ditekankan kepada menguatkuasakan pendaftaran perkahwinan dan perceraian. Kemudian secara beransur-ansur hukum-hukum substantif kekeluargaan Islam telah diperuntukkan dalam undang-undang tersebut dan perkembangan seterusnya ialah dengan terlaksananya Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

Meneliti peruntukan hak-hak wanita yang digubal dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, maka beberapa kesimpulan dapat dijelaskan di sini.

1. Di dalam urusan perkahwinan, Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 telah memperuntukkan beberapa hak kepada wanita untuk menjamin kehidupannya semasa dalam perkahwinan. Satu-satu perkahwinan itu biasanya dimulakan dengan ikatan pertunungan. Dalam melakukan

peminangan, kedua-dua belah pihak akan bertukar-tukar pemberian dan ada kalanya telah ditetapkan mahr. Kedua-dua pihak hendaklah berpegang dengan janji yang telah dimeteraikan iaitu janji untuk melangsungkan perkahwinan.

Untuk menghindarkan berlakunya kerugian, Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 telah memperuntukkan hak untuk menuntut kembali gantirugi dan pemberian-pemberian yang telah diberikan, sekiranya berlaku pemungkiran janji untuk melangsungkan perkahwinan. Perkara ini boleh dituntut melalui tindakan dalam mahkamah. Peruntukan ini memberi perlindungan kepada pihak yang teraniaya.

Ternyata apa yang digubal oleh Enakmen Kelantan 1983 telah dapat membela wanita untuk menuntut gantirugi apabila berlaku pemungkiran janji untuk melangsungkan perkahwinan dari pasangannya.

2. Dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 juga telah memperuntukkan bahawa satu-satu perkahwinan tidak boleh didaftarkan sehingga persetujuan diberikan oleh kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu. Nyatalah bahawa seorang wanita mempunyai hak untuk diminta keizinannya sebelum satu-satu perkahwinan itu dijalankan.

Keizinan wali juga diperlukan samada wali biasa atau wali hakim. Secara tidak langsung peruntukan ini telah memberikan hak kepada wanita untuk mendapat wali.

Penetapan umur minima untuk layak berkahwin juga ditetapkan oleh Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, iaitu jika lelaki berumur kurang daripada lapan belas tahun dan jika perempuan berumur kurang daripada enam belas tahun. Ini bermakna umur yang layak berkahwin bagi seorang perempuan ialah apabila sampai umur baligh iaitu sekurang-kurangnya lima belas tahun. Peruntukan ini boleh mengelakkan perkahwinan yang terlalu awal bagi seorang perempuan yang dirasakan tidak banyak memberikan kebaikan kepadanya disebabkan umur yang belum matang dan kurangnya pengetahuan berkaitan ilmu rumah tangga.

3. Berhubung hak-hak wanita semasa dalam perkahwinannya, beberapa peruntukan telah digubal. Pertamanya hak wanita terhadap maskahwin, Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 telah memperuntukkan kewajipan suami untuk memberi maskahwin semasa akad perkahwinan dijalankan samada secara tunai atau secara hutang. Untuk menjamin hak wanita ini, semua butir-butir berkaitan dengan maskahwin, pemberian dan lain-lain dicatit. Ini untuk memudahkan wanita untuk menuntut haknya yang belum dijelaskan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini di kemudian hari.

Mengenai nafkah pula, Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 telah memperuntukkan satu bahagian yang tersendiri iaitu bahagian 5 membincangkan nafkah isteri, anak dan lain-lain. Bagi nafkah isteri peruntukan memberi kuasa kepada mahkamah memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isterinya selama tempoh perkahwinan masih berterusan dan isteri tidak nusyuz. Pentaksiran nafkah adalah berdasarkan

kepada kemampuan suami dan keperluan isteri, dan ia tidak terhenti sehingga mati orang yang berhak membayar nafkah atau mati orang yang berhak menerima nafkah, mengikut mana yang awal.

Isteri berhak menuntut haknya terhadap nafkah di Mahkamah sekiranya suami cuai dari perintah tersebut. Suami boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi satu bulan bagi tiap-tiap bulan nafkah yang belum dibayar. Pihak kadi juga boleh mengambil tindakan memerintahkan suami tersebut memberi cagaran bagi kesemua atau mana-mana bahagian dari jumlah nafkah itu dengan meletakkan hak apa-apa harta kepada pemegang-pemegang amanah untuk tujuan membayar nafkah itu atau sebahagian daripada pendapatan harta tersebut. Peruntukan mengenai nafkah ini disebutkan dengan terperinci. Dengan adanya peruntukan ini, suami tidak lagi akan meninggalkan tanggungjawabnya dengan sewenang-wenangnya dan isteri akan terselamat dari ditinggalkan tanpa nafkah.

Berhubung dengan hak isteri yang berbentuk bukan kebendaan, hak-hak yang diperuntukkan adalah secara tidak langsung iaitu dengan memperuntukkan hukuman-hukuman ke atas suami yang cuai dalam memberi hak-hak tersebut. Tambahan lagi, peruntukan yang ada tidak memenuhi hak-hak yang telah ditetapkan oleh Islam, hak seperti mendapat bimbingan dari suami tidak diperuntukkan.

Menurut undang-undang tersebut, isteri berhak menuntut hak untuk hidup bersama semula dengan suaminya. Suami yang melanggar perintah

tersebut akan dikenakan denda tidak melebihi tiga ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Isteri juga berhak untuk tidak dizalimi oleh suaminya, iaitu hak untuk bergaul dengan baik. Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 dalam hal ini telah memperuntukkan bahawa suami yang menganiayai isterinya akan dikenakan denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Hak isteri untuk mendapat keadilan dalam poligami juga diperuntukkan dalam bentuk hukuman. Suami yang tidak memberi keadilan yang sewajarnya terhadap isteri-isterinya akan dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Sering berlaku di mana isteri-isteri dimadukan hidup dalam penuh penderitaan dan membanting tulang untuk menyara hidupnya sendiri dan anak-anak. Sedangkan suami leka dengan isteri-isteri lain. Terdapat juga di kalangan suami yang melakukan poligami sedangkan pada hakikatnya ia tidak berkemampuan untuk menanggung isteri-isterinya. Wujudnya keadaan ini berpunca dari ketiadaan kawalan terhadap poligami. Bagi beberapa negeri seperti Wilayah Persekutuan, pandangan isteri yang sedia ada diambil kira oleh hakim syar'i dalam membuat keputusan samada untuk membenarkan permohonan suami atau tidak. Ini dikira boleh menjamin wanita supaya tidak dianiaya.

4. Berhubung dengan jenis perceraian, Enakmen memerlukan perceraian dengan talaq atau perintah atau syiqaq, perceraian tebus talaq, perceraian ta'liq, fasakh dan anggapan mati. Perceraian dengan talaq atau perintah atau syiqaq memerlukan dengan jelas bahawa perceraian tidak boleh dibuat tanpa berunding dengan isteri dan dengan persetujuannya. Ini menghilangkan anggapan bahawa "hak cerai berada pada tangan lelaki". Jika kedua mereka telah bersetuju terhadap perceraian itu dan mahkamah telah berpuas hati, maka mahkamah boleh menasihatkan suami supaya melafazkan satu talaq. Apabila tiada persetujuan untuk bercerai diperolehi maka mahkamah hendaklah melantik satu jawatankuasa pendamai bertujuan menyelesaikan kes mereka itu.

Dalam perceraian tebus talaq jika pihak suami isteri bersetuju bercerai dengan cara tebus talaq, mahkamah hendaklah selepas jumlah bayaran tebus talaq dipersetujui oleh pihak itu, mengarahkan suami itu melafazkan cerai dengan cara penebusan. Peruntukan ini memberikan hak kepada isteri mendapatkan *khul'* apabila mahkamah meyakini yang isteri tidak lagi dapat meneruskan kehidupan bersama-sama suaminya.

Bagi perceraian dengan *fasakh*, Enakmen Kelantan 1983 memerlukan bahawa seorang isteri berhak mendapat satu perintah untuk *fasakh* atas satu atau lebih kekurangan pada suami yang diketahui pada masa aqad dilakukan dan selepas aqad berlaku. Contoh kekurangan pada suami ialah seperti mati pucuk, gila dan menghidap penyakit berbahaya. Perceraian dengan cara *fasakh* juga boleh berlaku apabila seorang perempuan yang telah

mencapai umur lapan belas tahun mengemukakan bantahan terhadap perkahwinannya yang berlaku ketika ia belum cukup umur. Apapun, dengan peruntukan yang lebih umum sebutannya iaitu “atas apa-apa alasan lain yang diitiraf sebagai sah bagi *fasakh* menurut hukum syaria’ telah memberi ruang yang luas kepada isteri untuk menggunakan hak tersebut.

Perceraian dengan *ta’liq* juga telah menjaminkan isteri tidak diperlakukan sekehendak hati oleh suami. Syarat *ta’liq* yang dibuat apabila berkahwin dapat memberi perlindungan kepada kaum wanita. Sekiranya tidak wujud *ta’liq* yang sudah menjadi amalan di Malaysia ini, maka kaum wanita yang dianiaya, didera, tidak diberi naskah, ditinggalkan suami dan lain-lain penderitaan yang dialami oleh isteri tidak mendapat pembelaan. Pihak mahkamah juga tidak boleh bertindak untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Satu lagi jenis perceraian yang diperuntukkan dalam Enakmen Kelantan 1983 ialah anggapan mati iaitu bagi kes suami yang menghilangkan diri atau pergi jauh tanpa khabar berita beberapa lama, maka patutlah dia dipandang mengikut undang-undang Islam seperti mati. Kadi bolehlah di atas kepastian daripada penyiasatan yang betul dan permintaan perempuan mengeluarkan mengikut undang-undang Islam satu surat keterangan yang menyifatkan kematian suaminya. Surat keterangan itu hendaklah didaftarkan seperti surat cerai. Dengan adanya surat keterangan itu, perempuan yang ditinggalkan itu dibenarkan berkahwin lain. Tempoh hilangnya suami yang dianggap mati seperti yang diperuntukkan oleh EKIK 1983 ialah tujuh tahun.

Peruntukan-peruntukan yang disebutkan di atas dalam bahagian 4 mengenai perceraian telah menjaminkan isteri menuntut haknya untuk memutuskan ikatan perkahwinan apabila tiada kebahagiaan dan ketenangan berumahtangga dicapai. Seharusnya wanita tidak membiarkan dirinya diperlekehkan, dipersendakan dan diperbodohkan oleh suami-suami mereka yang hanya tahu berkahwin tetapi tidak tahu mngotakan janjinya. Sengsara dan derita akibat keganasan dan kezaliman suami janganlah dibiarkan berpanjangan, bertindaklah dengan bijak, cepat dan berhati-hati. Bukan tidak ada isteri yang menjadi gila, bodoh dan dungu akibat terlalu tertekan dengan kezaliman suami.

5. Setelah berlaku perceraian berstatuskan janda atau balu, wanita ini masih lagi mempunyai hak tertentu yang dapat melindunginya dari kesedihan dan kemudharatan. Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 memperuntukkan seorang isteri mendapat hak penuh terhadap maskahwin yang diberikan oleh suaminya dan hak ini tidak terjejas walaupun berlaku perceraian. Isteri yang diceraikan boleh menuntut apa saja tunggakan hutang ketika dalam tempoh perkahwinannya jika mempunyai bukti yang jelas.

Isteri juga berhak mendapatkan *mut'ah* sekiranya ia diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya. Disahami dari sini jika isteri itu diceraikan oleh satu sebab yang munasabah atau jika perceraian itu diminta oleh isteri melalui *khul'* atau *fusakh*, hak mendapatkan *mut'ah* akan gugur. Sesungguhnya untuk menghukumkan sesuatu perceraian itu disebabkan oleh isteri bukanlah sesuatu yang mudah. Oleh yang demikian, sekalipun pada

zahirnya perceraian itu diminta oleh isteri seperti melalui cerai *ta'liq* atau *khul'* tetapi kerana bersebab dari kezaliman suami, maka perceraian ini adalah daripada pihak suami, maka isteri boleh menuntut hak *mut'ahnya*. Inilah yang perlu difahami dan disedari oleh isteri.

Seterusnya seorang isteri yang bercerai boleh menuntut harta sepencarian, iaitu harta yang telah diperolehi hasil usaha bersama atau tenaga bersama suami dan isteri. Isteri boleh menuntut harta tersebut samada dari perceraian yang berlaku akibat kesalahan dirinya sendiri atau perceraian melalui cara *khul'* kecuali jika *khul'* itu dituntut dengan melepaskan haknya terhadap harta yang ada. Di dalam membahagikan harta tersebut mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang setakat mana sumbangan yang telah dibuat oleh kedua mereka(suami isteri) samada dalam bentuk wang, harta atau kerja. Mahkamah juga perlu mengambil perhatian tentang hutang-hutang yang tertançguh oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi usaha bersama mereka. Keperluan anak-anak yang belum dewasa, jika ada, juga perlu diambil perhatian. Dalam membuat pembahagian ini, mahkamah hendaklah membahagikan dengan adil dan saksama mengikut usaha atau modal masing-masing. Material yang patut dituntut adalah merangkumi semua harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuk wang pelaburan, wang simpanan di bank sehingga kepada tikar getah dan lain-lain.

Dalam mengendalikan tuntutan harta sepencarian, Mahkamah mengikuti *tiraf* sumbangan secara tidak langsung yang dibuat oleh salah satu pihak. Bagi isteri yang tidak mempunyai apa-apa profesion di luar rumah

kecuali menguruskan rumah tangga biasanya hanya mendapat 1/8 atau 1/3 dan seumpamanya. Ia berasaskan budi bicara Mahkamah dengan membuat pertimbangan-pertimbangan tertentu. Dari segi prosedur, sebelum tuntutan dibuat pihak-pihak yang bertikai perlu memastikan bahawa perkahwinan mereka menurut hukum syara' dan didasarkan. Pihak yang menuntut juga perlu membuktikan harta yang dipertikaikan benar-benar wujud dan diperolehi dalam tempoh perkahwinan mereka. Mereka boleh menuntut pada bila-bila masa asalkan perceraiannya telah berlaku, cuma pasangan yang masih hidup boleh menuntut harta tersebut sebelum dibahagi mengikut pembahagian harta pusaka. Biasanya, tuntutan harta sepencarian dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah. Pemohon perlu mengemukakan beban bukti kepada Mahkamah seperti dokumen bertulis, saksi, sumpah dan lain-lain.

Sesungguhnya undang-undang yang dibuat bukanlah bertujuan mendidik masyarakat supaya setiap kali timbul pertikaian perlu diselesaikan di Mahkamah, malah statut yang ada hanyalah merupakan satu peng'*tirafan* adat selaras dengan kehendak hukum syara'. Sifat tolak ansur di antara pihak yang bertikai boleh meminimumkan tuntutan-tuntutan harta ini di Mahkamah. Haruslah difahami bahawa harta yang dikurniakan Allah adalah merupakan amanah yang perlu diurus dengan sebaiknya. Oleh itu tidaklah akan berlaku tuntutan ke atas harta yang tidak sepatutnya menjadi miliknya jika sebenarnya pihak yang bertikai itu takutkan Allah.

Wanita yang diceraikan juga berhak mendapatkan nafkah *iddah*, termasuk juga nafkah *iddah* wanita mengandung. Undang-undang juga

memperuntukkan bahawa isteri yang diceraikan berhak mendapatkan tempat tinggal.

Penulis mendapati peruntukan-peruntukan itu terlalu umum yang merangkumi semua isteri yang diceraikan samada talaq *raj'i* atau talaq *bain*. Sedangkan apa yang dipraktikkan mengikut apa yang ditetapkan oleh syara' iaitu kepada wanita yang dalam *iddah* talaq *raj'i*. Apapun, dengan peruntukan ini telah dapat membela wanita yang diceraikan. Seorang wanita yang diceraikan itu layak mendapat haknya selama ia tidak melakukan penzinaan dan meninggalkan rumah tanpa sebab. Sepatutnya wanita yang terbabit boleh mematuhiinya. Jangankah kerana menurutkan hati maka hak yang sepatutnya diperolehi tidak dapat dimiliki.

Sekalipun hak *ruju'* bagi kebanyakan madhhab khususnya imam-imam madhhab yang empat menetapkannya sebagai hak suami yang mana suami boleh meruji isterinya yang diceraikan dengan talaq *raj'i* tanpa memerlukan mendapat persetujuan isterinya, tetapi dengan peruntukan dalam Enakmen Kelantan 1983 dengan mengenakan denda tertentu kepada suami yang berbuat demikian dan peruntukan yang lain seperti mahkamah hendaklah melantik satu jawatankuasa pendakwa apabila isteri menolak untuk *diruju'* dan menunjukkan sebab-sebab yang baik mengikut syara', juga peruntukan-peruntukan yang lain berkaitan *ruju'*, maka penulis merasakan bahawa ia telah mengizinkan dan memberikan penghormatan kepada isteri.

Seteruonya isteri berhak untuk menuntut nafkah anak-anaknya hasil dari perkahwinan mereka kerana menjadi kewajipan bapa untuk memberi

nafkah kepada anak-anaknya sehingga mencapai umur baligh. Memandangkan keadaan masyarakat sekarang, anak-anak yang mencapai umur baligh masih lagi di alam persekolahan dan tidak mempu untuk menanggung keperluan dirinya sendiri, maka Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 telah melanjutkan tempuh tersebut kepada umur lapan belas tahun. Malah ia boleh dilanjutkan lagi sekiranya terdapat sebab-sebab yang memerlukan kepada tanggungan dari bapa.

Mengenai kadar nafkah, biasanya mahkamah akan menentukan kadar yang munasabah berdasarkan kepada kemampuan bapa dan keperluan anak. Undang-undang juga memperuntukkan bahawa nafkah yang tertunggak boleh dituntut di mahkamah dan mahkamah diberi kuasa mengeluarkan perintah supaya orang yang bertanggungjawab memberikan nafkah membayar tunggakan itu. Mahkamah juga diberi kuasa mengeluarkan perintah nafkah sementara dalam tempoh permohonan nafkah. Mahkamah akan menyelaraskan pembayaran nafkah sementara itu dari jumlah tuntutan nafkah yang diperintah dibayar dibawah perintah nafkah sebenar. Mahkamah juga diberi kuasa mengeluarkan perintah potongan gaji terhadap bapa dengan membayar kepada pihak yang menuntut sejumlah amaun yang diperintahkan oleh mahkamah. Jika bapa gagal mematuhi perintah tersebut, beliau diperintahkan sekali lagi membayar jumlah nafkah yang tertunggak itu. Mahkamah juga boleh mengarahkan amaun yang di bayar itu dilevi sebagai denda atau menjatuhkan hukuman penjara tidak melebihi sebulan bagi setiap bayaran bulanan yang masih belum dibayar jika perintah itu tidak dipatuhi. Mahkamah juga diberi kuasa yang agak luas sehingga boleh memerintahkan apa-apa aset yang

dimiliki oleh orang yang diperintahkan itu dijadikan cagaran bagi tujuan nafkah semata-mata. Begitulah undang-undang membela dan menjamin kebijakan anak-anak yang menjadi mangsa perceraian ibu dan bapanya. Peruntukannya dinyatakan dengan terperinci seperti juga peruntukan nafkah terhadap isteri.

Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 juga memperuntukkan hak isteri dalam penjagaan anak. Ibu merupakan orang yang paling berhak untuk menjaga anak-anak yang masih kecil sehingga kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun bagi lelaki dan sembilan tahun bagi perempuan. Ia boleh dilanjutkan sehingga sembilan tahun bagi kanak-kanak lelaki dan sebelas tahun bagi kanak-kanak perempuan. Setelah itu kanak-kanak itu berhak memilih samada untuk tinggal bersama ibu atau bapanya. Untuk menjadi hadiah seseorang itu mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam seksyen 71.

Hak penjagaan dari seorang perempuan iaitu hilang keutamaan apabila perempuan itu berkahwin dengan lelaki yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu. Hak penjagaan juga hilang apabila perempuan itu seorang yang buruk akhlak, seorang yang murtad, seorang yang menganiayai kanak-kanak itu dan seorang yang berusaha menghalang bapa dari mengawasi kanak-kanak itu dengan menukarkan permastautinannya. Jika berlaku keadaan luar biasa iaitu sesuatu yang tidak diingini ke atas kanak-kanak sewaktu berada di bawah jagaan seorang yang layak menjaganya, maka mahkamah boleh dengan perintah memilih untuk meletakkan kanak-kanak itu

pada orang lain atau mana-mana persatuan yang boleh menjaga kebajikan kanak-kanak itu. Untuk memutuskan dalam jagaan siapakah seorang kanak-kanak patut diletakkan, pertimbangan yang utama ialah kebajikan kanak-kanak itu di samping mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada kemahuan-kemahuan ibu bapa kanak-kanak itu dan kemahuan-kemahuan kanak-kanak itu apabila ia mampu berfikir dan bertindak sendiri. Dalam menjaga kebaikan seorang kanak-kanak yang pada masa kecilnya ia berada di bawah jagaan ibunya, maka mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada tidak baiknya mengganggu kehidupan seorang kanak-kanak dengan bertukar-tukar jagaan. Ketika terdapat dua orang atau lebih kanak-kanak dari sesuatu perkahwinan, maka mahkamah hendaklah menimbangkan kebajikan tiap-tiap seorangnya secara berasingan tanpa terikat meletakkan kedua-dua atau kesemuanya dalam jagaan orang yang sama.

Sesuatu perintah jagaan boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan oleh mahkamah patut dikenakan, yang dipakai dari semasa ke semasa. Sesuatu perintah jagaan boleh mengandungi syarat tentang tempat di mana kanak-kanak itu akan tinggal dan cara pelajarannya, mengadakan peruntukan kanak-kanak itu berada bagi sementara dalam kawalan seorang yang lain daripada orang yang diberi jagaan itu, mengadakan peruntukan kanak-kanak itu melawat ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan pada masa yang difikirkan munasabah, memberi ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan hak berjumpa dengan kanak-kanak itu pada masa yang difikirkan munasabah, atau melarang orang yang diberi jagaan daripada membawa kanak-kanak itu keluar dari Malaysia.

Enakmen juga memperuntukkan hak *hadanah* anak-anak tak sah taraf hanya kepada ibu dan saudara mara ibu.

Meneliti kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah tentang hak penjagaan kanak-kanak ini seperti dalam kes *Zaliha bt Zakaria lawan Rahmat* dan kes *Zahirah bt Omar lawan Saidon b Itam*, dilihat mahkamah telah memutuskan hak *hadanah* diberi kepada ibu memandangkan umur anak kedua-dua pasangan tersebut baru berumur dua hingga empat tahun iaitu belum *mumaiyyiz*. Apapun penyelesaian yang diputuskan, yang penting ialah peruntukan yang ada mestilah bersfungsi menyelesaikan persoalan yang timbul mengenai tuntutan *hadanah* terhadap anak-anak. Dalam membuat penyelesaian kebijakan anak-anak mestilah diutamakan.

Berhubung persoalan kebijakan kanak-kanak, pernah berlaku di Selangor, keputusan mahkamah kadi berhubung kes penjagaan anak ini telah dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi iaitu dalam kes *Mariam lawan Mohammad Ariff*. Alasan yang dibuat dalam keputusan ini ialah bahawa Akta Penjagaan Kanak-kanak tahun 1961, boleh dikenakan ke atas kanak-kanak Islam kerana akta itu tidak bertentangan dengan undang-undang Islam iaitu ditinjau dari sudut bahawa kedua-dua akta dan undang-undang Islam sama-sama mementingkan kebijakan kanak-kanak.

Soalannya, apakah peruntukan Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 yang meminta hakim supaya mengambil berat tentang kebijakan kanak-kanak yang berkenaan ketika membuat hukuman, selaras dengan ketentuan-ketentuan di

dalam fiqh atau tidak? menurut ‘ulama’ fiqh, keutamaan untuk menjaga kanak-kanak diberikan kepada garis ibu, kerana ibu yang lebih sayang dan lebih sabar dalam urusan menjaga kanak-kanak sudah tentu dapat memberi kebijakan yang lebih kepada kanak-kanak. Layanan seorang ibu dalam urusan makan, minum dan lain-lain termasuk kasih sayang telah membantu perkembangan rohani dan akal kanak-kanak. Sementara urusan memberikan nafkah terpikul ke bahu bapa. Sesungguhnya bagi ibu bapa yang berpisah itu mereka tetap dituntut melaksanakan hak dan kewajipan masing-masing menurut peringkat umur dan kadar kematangan anak-anak mereka supaya tidak terputus perhubungan dua keluarga ibu dan bapa kepada kanak-kanak berkenaan. Perkara ini mungkin tidak diberi perhatian oleh Akta Tahun 1961 sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati pada kanak-kanak yang menjadi mangsa perceraian kepada salah seorang daripada ibu bapanya.

Sesungguhnya syarat-syarat penjaga kepada kanak-kanak yang ditetapkan oleh ahli-ahli fiqh seperti tidak fasiq sememangnya dapat menjaminkan yang kanak-kanak itu akan mendapat ‘kebijakan’ yang sepatutnya menurut kacamata Islam. Dikira perkara ini tidak diberi perhatian oleh Akta Penjagaan Kanak-kanak Tahun 1961. Maka adalah jelas pada pandangan penulis bahawa Akta ini berlainan daripada ketentuan fiqh dalam dua perkara iaitu tidak memberi keutamaan kepada garis ibu dan tidak mementingkan kualiti penjaga kanak-kanak menurut pandangan Islam iaitu hendaklah seorang yang berakhhlak mulia dan tidak melakukan dosa-dosa besar.

Begitulah terperincinya peruntukan-peruntukan yang dinyatakan oleh Enakmen dalam perkara *hadanah* demi kelangsungan generasi masa hadapan umat Islam seperti yang diperuntukkan dalam bahagian 6 Enakmen Keluarga Islam 1983.

Kepada mereka yang diamanahkan menjaga kebijakan kanak-kanak samada ibu atau bapa atau siapa saja, hendaklah melaksanakan tanggungjawab penjagaan dengan sebaik-baiknya. Kecuaian menjalankan amanah ini jika thabit kesalahannya akan didakwa dan dikenakan hukuman. Perkara ini ada diperuntukkan dalam Enakmen Kelantan Seksyen 106. Walau bagaimanapun, Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 khususnya dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia tidak memperuntukkan sebarang perlindungan dari kesalahan penderaan fizikal, emosi dan seksual kanak-kanak.

Mengenai upah *hadanah* dan upah penyusuan anak ia adalah hak isteri yang boleh dituntut yang perbincangannya dinyatakan oleh ‘ulama’ fiqh. Kedua-dua hak ini tidak diperuntukkan di dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, walau bagaimanapun ia bukanlah menghalang untuk wanita yang peka dengan haknya itu. Jadilah wanita yang cerdik dan pintar.

6. Dari maklumat yang diperolehi daripada pihak yang menguruskan pengendalian tuntutan hak yang telah dibuat oleh kaum wanita terhadap hak dan perlindungan yang diperuntukkan didapati tuntutan-tuntutan yang dibuat adalah berkisar di sekitar nafkah samada nafkah diri, nafkah ‘iddah, nafkah

mengandung dan nafkah anak. Mengenai maskahwin, mut'ah dan harta sepencarian, juga penjagaan anak jarang sekali dituntut.

Keadaan ini mungkin disebabkan ramai yang tidak mengetahui tentang hak dan perlindungan yang telah diberikan kepada mereka atau mereka sengaja tidak mahu menuntutnya kerana tidak mahu dibicarakan. Sebab lain ialah mungkin semuanya telah diselesaikan di luar mahkamah.

Sesungguhnya peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan di dalam undang-undang tersebut jelas bersimpati kepada wanita, cuma yang menjadi masalahnya ialah kaum wanita itu sendiri tidak mengetahui kedudukan hak dan perlindungan yang telah diperuntukkan kepada mereka.

## 5 . 2 Saranan-saranan

Dari huraian di atas, dapatlah diberikan beberapa saranan.

1. Berhubung Hukum Pusaka Islam yang belum lagi digubal, untuk keterangan kepada orang Islam dan mengelak kekeliruan khususnya bagi masyarakat yang mengamalkan Hukum Adat Perpatih di Negeri Sembilan maka sudah sampai masanya digubalkan satu enakmen pusaka untuk dilaksanakan kepada masyarakat Islam di Malaysia. Hukum Islam hendaklah dijadikan asas dalam penggubalan. Kalau Undang-undang Keluarga Islam yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian boleh diterima oleh masyarakat Islam, maka tidak ada sebab mereka tidak boleh menerima

undang-undang pusaka kerana keduanya undang-undang yang berkaitan dengan diri.

2. Seperti yang telah dijelaskan bahawa pentadbiran undang-undang Islam adalah perkara negeri, keadaan ini menyebabkan wujudnya ketidakseragaman antara negeri-negeri. Oleh itu usaha ke arah penyelarasan perlu dibuat. Sebenarnya persoalan mengenai penyelarasan ini bukanlah satu perkara baru, ia telah dibincangkan di pelbagai seminar, bengkel dan forum-forum pada masa lalu. Tokoh-tokoh perundangan Islam seperti Almarhum Profesor Tan Sri Dato' Ahmad Ibrahim, Dato' Syeikh Ghazali Abdul Rahman dan lain-lain telah berulang kali mengemukakan pandangan dan cadangan mereka. Ada yang telah dilaksanakan dan masih banyak yang perlu dilakukan agar pelbagai masalah yang berbangkit daripada persoalan tersebut dapat dihapuskan atau sekurang-kurangnya dikurangkan. Dan akhir-akhir ini dengan termansukhnya Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 dan terpakainya Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 2002, usaha-usaha ke arah penseragaman antara negeri-negeri di Malaysia di harap akan berjaya.

Sudah sampai masanya undang-undang keluarga Islam khususnya, malahan undang-undang Islam seluruhnya diselaraskan di peringkat Persekutuan. Apa sahaja mekanisma yang sesuai perlu dicuba dan dilaksanakan. Selagi masalah ini berlarutan perlaksanaan undang-undang Islam di kalangan masyarakat Islam tidak dapat memuaskan hati mereka dan undang-undang Islam sendiri akan dipandang serong, malahan mungkin akan hilang kredibilitinya.

Pentadbiran sistem undang-undang di Malaysia sekarang seperti yang telah dijelaskan meletakkan orang Islam dalam dua bidang kuasa kehakiman yang berlainan. Mereka terikat dengan Mahkamah Syari'ah dalam hal-hal berbidang kuasa di bawah Mahkamah Syari'ah dan juga terikat dengan Mahkamah Sivil dalam hal-hal lain. Hal ini sering menyebabkan orang Islam tertakluk kepada undang-undang sivil yang tidak sesuai dengan undang-undang Islam. Lebih malang lagi apabila peruntukan undang-undang ini mengatasi undang-undang Islam yang ditadbir di bawah mahkamah Syari'ah. Suasana dualisma ini meletakkan orang-orang Islam dalam keadaan dilema. Kerana itu tidak hairanlah ada kalangan orang Islam yang terus berurusan dengan mahkamah Sivil walaupun masalah yang dihadapi itu patut diputuskan oleh mahkamah Syari'ah.

Malaysia sebagai sebuah negara hendaklah mempunyai satu sistem pentadbiran undang-undang Islam. Pentadbiran undang-undang keluarga Islam hendaklah ditadbir dan diseragamkan di seluruh negeri. Penyeragaman ini hendaklah dari semua aspek samada bidang kuasa dan peruntukan-peruntukannya sehingga ke peringkat hanya wujud satu sahaja akta undang-undang yang perlu diruju' di Malaysia. Usaha-usaha ke arah merealisasikan hasrat ini oleh pihak-pihak yang berkepentingan amatlah dihargai. Semoga hanya Islam sahaja yang dijulang.

3. Mengenai hak isteri yang berbentuk bukan material, penulis berpendapat bahawa perlu diperuntukkan hak-hak itu secara langsung dengan peruntukan yang tersendiri dan menambah mana-mana hak yang tidak

diperuntukkan di dalam enakmen tersebut seperti hak untuk mendapat layanan batin dan bimbingan dari suami.

Berkenaan hak isteri untuk mendapat keadilan dalam poligami dan untuk menghindarkan dari berlakunya penderitaan hidup isteri tanpa keadilan dari suami samada dari segi nafkah atau sebagainya, penulis sarankan supaya mengikut jejak langkah Wilayah Persekutuan yang telah mengenakan syarat supaya pandangan isteri yang sedia ada diambil kira oleh hakim syar'i dalam membuat keputusan samada membenarkan permohonan suami atau tidak. Hendaklah melihat kepada keadaan lelaki tersebut terutama sekali dari segi kewangannya. Dengan kata lain, menekankan tanggungjawab yang sedia ada sebelum dia dibenarkan berkahwin lagi.

Disarankan juga apabila permohonan poligami dibuat agar memanggil bakal isteri bagi mengelakkan bakal isteri tertipu serta membuka peluang kepada poligami yang lebih adil. Isteri yang sedia ada juga perlu dipanggil oleh mahkamah bagi mendapatkan pandangannya kerana setiap keputusan yang dibuat oleh suami akan memberi kesan secara langsung kepada isteri dan anak.

Akta yang membolehkan isteri membuat tuntutan mengisyiharkan bahagian terhadap harta sepencarian apabila suami mahu berpoligami juga wajar diwujudkan. Menyentuh tuntutan terhadap harta sepencarian, satu cara untuk mengurangkan masalah pembahagiannya ialah dengan suami menyatakan hal harta sepencarian dalam wasiatnya. Misalnya, suami boleh

menyatakan, "Saya mengakui bahawa harta sepencarian isteri saya adalah separuh daripada segala harta saya".

4. Memandangkan kes keganasan rumah tangga adalah satu kesalahan jenayah dan semakin menjadi-jadi di akhir-akhir ini, adalah wajar bagi sesiapa yang melanggar perintah perlindungan di bawah Seksyen 108 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 1983, denda yang dikenakan ke atasnya perlu dinaikkan. Begitu juga dengan tempoh hukuman penjara perlu dilanjutkan agar pendera serik untuk mengulangi perbuatannya. Media cetak dan media elektronik berperanan untuk menyedarkan mangsa-mangsa penderaan agar tampil melaporkan kes-kes mereka ke Jabatan Agama Islam. Sebagai badan pendamai, Jabatan Agama Islam perlulah memastikan perkhidmatannya berkesan dan bermutu, maka bilangan pegawai kaunselor yang bertauliah perlu dipertingkatkan. Mereka yang terlatih, cekap dan pakar dalam bidang kaunseling diperlukan kerana mangsa didapati mengalami trauma yang teruk akibat perbuatan suami.

5. Bagi tuntutan *mut'ah*, disyorkan meminda enakmen supaya memasukkan garis panduan yang lebih jelas dan terperinci untuk menentukan jumlah yang berpatutan bagi *mut'ah* dalam sesuatu kes tertentu mengikut hal keadaan pihak terbabit. Faktor yang patut diambil kira termasuk pendapatan dan kewangan dan tempoh perkahwinan dan hal berkaitan perceraian itu.

6. Penulis merasakan perlu adanya tambahan peruntukan yang menjelaskan lagi tentang naflkah *iddah* dan tempat tinggal. Harus diterangkan

dalam keadaan mana isteri berhak menuntut haknya dalam nafkah *iddah* dan tempat tinggal, juga perlu menambah hak isteri untuk mendapat upah penjagaan dan juga upah penyusuan anak.

Keadaan ini secara tidak langsung boleh menyedarkan suami akan tanggungjawabnya. Semoga dengan beratnya tanggungjawab suami ini akan dapat mengurangkan kadar perceraian yang banyak sekali berlaku sekarang. Mereka juga akan lebih berhati-hati sebelum menceraikan isterinya kerana walaupun mereka berpisah, anak-anak tetap menjadi tanggungjawabnya dan tidak akan terlepas walaupun anak itu tinggal bersama ibu yang telah diceraikan itu. Apa yang diharapkan dengan adanya peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam EKIK (1983) ini, agar penguatkuasaannya juga dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Ini adalah perlu kerana terdapat bapa-bapa yang *melepaskan diri daripada perintah nafkah* yang dikeluarkan oleh mahkamah dan melarikan anak yang sepatutnya diberikan hak jagaan kepada ibunya. Apa yang lebih penting, mewujudkan satu undang-undang yang menentukan had minima nafkah yang sepatutnya termasuk upah *hadanah* dan upah penyusuan yang bersesuaian.

Adalah juga disarankan Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 bahkan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan sebarang perlindungan dari kesalahan penderaan fizikal, emosi dan seksual terhadap kanak-kanak sekalipun sudah termaktub dalam Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961, tetapi kerana dilihat ia tidak melihat sifat peribadi penjaga sebagaimana yang dititik beratkan oleh undang-undang Islam dan dilihat

perlakuan kaganasan terhadap kanak-kanak sentiasa berlaku bahkan bertambah dasyat sejak akhir-akhir ini maka peruntukan itu dikira perlu.

7. Berhubung dengan kurangnya tuntutan yang dibuat oleh kaum wanita adalah disarankan supaya diberi kesedaran, bimbingan dan penerangan kepada mereka bahawa wujudnya hak dan perlindungan yang diperuntukkan kepada mereka dengan mengadakan ceramah, seminar-seminar, dialog dan forum mengenai hal-hal yang berhubungan dengan undang-undang keluarga Islam. Maklumat berkaitan juga boleh disampaikan melalui media cetak dan media elektronik.

Mereka yang telah mengetahui tentang hak dan perlindungan mereka pula, perlu mempunyai keberanian untuk menuntut hak mereka ke pengadilan.

8. Memandangkan sistem Mahkamah Syari'ah bertambah canggih dan mempunyai banyak aturan dan prosedur yang kompleks, wanita-wanita perlu melantik peguam-peguam syar'i yang berkelayakan untuk membela nasib mereka. Bagi mereka yang tidak berkemampuan, dinasihatil mendapat bantuan daripada Biro Bantuan Guaman yang disediakan oleh pihak kerajaan atau Pusat Bantuan Guaman yang dikendalikan Majlis Peguam.

Begitulah beberapa saranan yang dikira boleh dimanfaatkan. Segala usaha yang dilakukan oleh pihak bertanggung jawab memberi dan melindungi hak wanita amat dialu-alukan. Semoga hak dan perlindungan wanita yang

telah diberikan oleh Islam akan lebih terjamin dengan adanya peruntukan-peruntukan yang lebih jelas di masa akan datang.

### 5.3 Penutup

Sesungguhnya undang-undang keluarga dalam Enakmen Kelantan 1983 memainkan peranan penting dalam menjamin hak-hak wanita. Ini kerana dengan adanya undang-undang tersebut kaum wanita boleh mengetahui dan memahami apakah hak-hak dan langkah-langkah yang perlu diambil jika berlaku sesuatu masalah dalam perkahwinan mereka, atau jika berlaku penganiayaan dari suami tanpa sebarang sebab yang munasabah.

Walaubagaimana pun undang-undang sahaja tidak boleh menjamin hak-hak wanita. Wanita sendirilah perlu mengetahui hak-hak dan tanggung jawab masing-masing sebelum ia mendapat jaminan dari undang-undang.

Sesungguhnya undang-undang keluarga Islam yang jelas bersimpati kepada wanita hanya dapat dinikmati faedahnya jika golongan wanita mempunyai kesedaran dan bersikap positif. Undang-undang keluarga Islam di negara ini jelas bersimpati kepada wanita walaupun dalam usaha mencapai tahap itu ia terpaksa menerima hasil ijtihad dan pandangan fuqaha' yang berasaskan kaedah kurang popular. Apa yang dilakukan oleh undang-undang keluarga Islam yang terpakai sekarang ialah memilih pandangan alternatif yang lebih bersimpati kepada wanita.

Suatu yang perlu difahami oleh wanita Islam, sesungguhnya peruntukan yang ada bukan bermakna hak wanita terhenti setakat itu saja. Selagi ada ruang di sisi syara' maka hak wanita di dalam undang-undang

keluarga Islam boleh diperkemaskan dan diperkembangkan. Jika wanita berhak di sisi syara' tetapi peruntukan yang jelas tidak terdapat dalam enakmen dan akta, mereka perlu berusaha menggunakan undang-undang yang ada. Apa saja penganiayaan dan pencabulan hak yang berlaku terhadap wanita baik ketika dalam ikatan pertunangan, ketika dalam perkahwinan sebagai isteri, dan setelah terbubar ikatan perkahwinan menjadi balu dan janda tetap diberi perhatian oleh Islam. Begitulah indahnya Islam, satu-satunya agama yang memartabatkan kedudukan wanita.

Dan satu lagi perkara yang perlu dijelaskan, meskipun undang-undang keluarga Islam sudah dikuatkuasakan dan pindaan demi pindaan dibuat, pembaharuan demi pembaharuan dilakukan, bukan bermakna seratus peratus ianya dapat menjamin kesejahteraan keluarga Muslim sehingga tidak wujud lagi masalah sosial kerana tindakan undang-undang hanya sebagai suatu kawalan sosial (social control) sahaja. Terdapat beberapa fakta lain lagi yang lebih utama, seperti pengetahuan agama yang lengkap, kecekapan metod dakwah dan seterusnya kesedaran masyarakat Muslim seluruhnya bahawa Islam adalah suatu agama yang mampu mengatur kehidupan umatnya ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.